



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Kajian Ulasan Naratif: Cabaran dan Isu Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Jahitan Asas Tangan bagi Mata Pelajaran Vokasional dari Perspektif Tenaga Pengajar

A Narrative Review: Challenges and Issues in Teaching and Learning Basic Hand Sewing for Vocational Subjects from the Perspective of Instructors

Umi Nur Azrin¹, Nor Hidayah Hamdan^{1,*}

¹ Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 10 June 2026

Received in revised form 16 July 2026

Accepted 17 July 2026

Available online 21 July 2026

ABSTRACT

Topik jahitan asas tangan merupakan satu topik asas yang perlu dikuasai sepenuhnya oleh pelajar yang mengambil jurusan Pembuatan Pakaian Wanita. Topik ini memerlukan pelajar menguasai kemahiran praktikal dan juga teori yang berkaitan menjadikan ianya satu topik yang kritikal. Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran dan isu dalam pengajaran jahitan asas tangan bagi Mata Pelajaran Vokasional (MPV) tingkatan 4 dengan fokus kepada keperluan pembangunan e-modul sebagai bahan bantu mengajar yang berkesan. Menggunakan pendekatan kajian ulasan naratif dengan pencarian sistematik berpandukan diagram PRISMA, artikel-artikel yang relevan diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2025 telah dianalisis. Kriteria inklusi merangkumi artikel jurnal dan prosiding persidangan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris yang membincangkan pembangunan modul pembelajaran digital, pendidikan jahitan, fesyen atau pendidikan vokasional. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai cabaran dihadapi dalam pengajaran jahitan asas tangan termasuk kekurangan pengetahuan asas pelajar, persepsi negatif terhadap subjek, ketidakkonsistenan pelaksanaan pengajaran, kekurangan bahan bantu mengajar yang berkualiti, serta cabaran dari aspek motivasi dan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar. Kajian lepas membuktikan bahawa kaedah pembelajaran konvensional yang bersifat statik kurang mampu menunjukkan pergerakan dan teknik jahitan secara terperinci. E-modul yang menggabungkan elemen multimedia seperti video tutorial, animasi dan audio didapati dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan memupuk penglibatan pelajar dengan lebih berkesan. Justeru, pembangunan e-modul bagi topik Jahitan Asas Tangan dapat menyokong pengajaran dalam bidang rekaan dan jahitan pakaian dengan lebih berkesan, membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan lebih jelas melalui demonstrasi visual, serta memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara interaktif, fleksibel dan sendiri.

* Corresponding author.

E-mail address: hidayah.hamdan@ftv.upsi.edu.my

<https://doi.org/10.37934/jarsbs.44.1.357364>

Keywords:

Ulasan naratif; SDG 4 quality education; jahitan
asas tangan
Narrative review; SDG 4 quality education; basic
hand sewing

Basic hand sewing is a fundamental topic that must be fully mastered by students specializing in Women's Garment Making. As this topic requires the mastery of both practical skills and related theoretical knowledge, it is considered a critical area of study. This study aims to identify the challenges and issues associated with teaching basic hand sewing within the Form 4 Vocational Subject (MPV) curriculum, focusing on the need to develop e-modules as effective teaching aids. Employing a narrative review approach with a systematic search guided by the PRISMA diagram, the study analyzed relevant articles published between 2020 and 2025. Inclusion criteria covered journal articles and conference proceedings in Malay or English that discussed digital learning module development, sewing education, fashion, or vocational education. Findings reveal various challenges in teaching basic hand sewing, including students' lack of foundational knowledge, negative perceptions of the subject, inconsistent teaching implementation, a shortage of quality teaching aids, and issues regarding instructors' motivation and psychological well-being. Previous research demonstrates that static, conventional learning methods are often inadequate for illustrating sewing movements and techniques in detail. E-modules incorporating multimedia elements—such as video tutorials, animations, and audio—have been found to enhance the learning experience and foster more effective student engagement. Consequently, the development of an e-module for basic hand sewing can effectively support instruction in garment design and sewing; it assists teachers in delivering lesson content more clearly through visual demonstrations while offering students opportunities for interactive, flexible, and self-paced learning.

1. Pendahuluan

Mata Pelajaran Vokasional (MPV) merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang bertujuan melahirkan pelajar berkemahiran tinggi dalam bidang- bidang tertentu. Program ini ditawarkan kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 di sekolah menengah harian, dengan pendedahan kepada kemahiran teknikal yang relevan seperti elektrik, seni reka tanda, dan rekaan dan jahitan pakaian. Inisiatif ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan keperluan melahirkan graduan vokasional berkemahiran tinggi dan bersahsiah unggul bagi memenuhi keperluan industri serta pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Dalam konteks pendidikan abad ke-21, penggunaan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran telah menjadi semakin penting. E-modul, sebagai bahan pembelajaran digital yang boleh diakses melalui pelbagai peranti, menawarkan kelebihan yang signifikan berbanding modul konvensional bercetak. E-modul menggabungkan pelbagai elemen multimedia seperti teks, gambar, grafik, animasi, audio dan video untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan [1,7]. Pengintegrasian elemen multimedia seperti video tutorial, animasi dan audio ke dalam e-modul didapati dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan memupuk penglibatan pelajar [17].

Rekaan dan Jahitan Pakaian merupakan salah satu mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi Pendidikan Vokasional yang memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran teknikal seperti mendraf pola, memilih fabrik, menggunakan alatan jahitan, serta mengaplikasikan pelbagai teknik jahitan untuk menghasilkan pakaian berkualiti. Antara kemahiran asas yang perlu dikuasai ialah jahitan asas tangan - teknik jahitan yang dilakukan tanpa bantuan mesin menggunakan jarum tangan dan benang sahaja. Jahitan asas tangan penting dalam bidang jahitan sama ada untuk memperbaiki pakaian, menghasilkan kraftangan mahupun menghasilkan pakaian [2].

Namun begitu, pengajaran kemahiran praktikal seperti jahitan asas tangan menghadapi cabaran tersendiri, terutamanya dari aspek penyampaian yang berkesan dan penyediaan bahan pembelajaran yang memadai. Modul pembelajaran konvensional yang bersifat statik kurang mampu

menunjukkan pergerakan dan teknik jahitan secara terperinci. Justeru, pembangunan e-modul bagi topik Jahitan Asas Tangan dapat menyokong pengajaran dalam bidang rekaan dan jahitan pakaian dengan lebih berkesan. E-modul bukan sahaja membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan lebih jelas melalui demonstrasi visual, malah memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara interaktif, fleksibel dan sendiri.

2. Ulasan Literatur

Jahitan asas tangan merupakan satu Teknik jahitan yang dilakukan tanpa menggunakan bantuan mesin. Jahitan ini sepenuhnya menggunakan tangan dengan bantuan jarum tangan dan benang sahaja. Menurut Kamus Dewan dan Pustaka [8], jahitan bermaksud hasil kerja menjahit atau perbuatan menjahit kain dan pakaian menggunakan benang dan jarum. Seterusnya, asas pula merujuk kepada perkara pokok yang menjadi permulaan dalam sesuatu, manakala tangan adalah anggota badan yang digunakan untuk melakukan kerja halus seperti menjahit. Oleh itu, jahitan asas tangan boleh ditakrifkan sebagai teknik jahitan permulaan yang dilakukan menggunakan tangan. Menurut Kumar [9], jahitan terbahagi kepada dua jenis utama iaitu jahitan tangan dan jahitan mesin. Bagi pemula, jahitan tangan lebih sesuai dipelajari terlebih dahulu kerana ia membantu membina kemahiran asas menjahit.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian ulasan naratif dengan pencarian sistematik berpanduan diagram PRISMA. Melalui kaedah ini, artikel-artikel yang berkaitan dikenal pasti berdasarkan kata kunci dan kriteria yang telah ditetapkan. Seterusnya, proses saringan dan kelayakan dilakukan untuk mendapatkan sumber rujukan utama kajian. Pendekatan ini membantu meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian serta memastikan hanya artikel yang relevan dan berkualiti digunakan dalam analisis.

3.1 Strategi Pencarian Artikel

Pencarian artikel telah dilakukan melalui pengkalan data Google Scholar dan UPSI Library. Kata kunci yang digunakan dalam pencarian Adalah seperti berikut .

- “e-module” OR “digital module” OR “electronic module”
- “hand sewing” OR “basic sewing” OR “jahitan asas”
- “fashion education” OR “pendidikan fesyen”
- “vocational education” OR “TVET” OR “Pendidikan vokasional” , “teaching module” OR “learning module” OR “modul pembelajaran”

3.2 Kriteria Pemilihan Artikel

Dalam kajian ini, kriteria inklusif dan eksklusif ditetapkan bagi memastikan pemilihan artikel yang relevan. Kriteria inklusif digunakan untuk mengenal pasti kajian yang memenuhi skop dan fokus kajian. Seterusnya, bagi kriteria eksklusif pula bertujuan untuk menyingkirkan kajian yang tidak berkaitan dan tidak memenuhi keperluan kajian. Antara kriteria inklusif dan eksklusif yang diterima dalam kajian adalah seperti berikut:

Kriteria Inklusi :


1. Artikel jurnal dan prosiding persidangan yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2025
2. Artikel dalam bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu
3. Artikel yang membincangkan pembangunan modul pembelajaran digital/e-modul
4. Artikel berkaitan dengan pendidikan jahitan, fesyen atau pendidikan vokasional. Artikel yang mempunyai akses penuh

Kriteria Eksklusi :

1. Artikel yang diterbitkan sebelum tahun 2020
2. Artikel dalam bahasa selain Inggeris atau Bahasa Melayu
3. Artikel yang hanya menyediakan abstrak sahaja
4. Artikel yang tidak berkaitan dengan Pendidikan atau pembelajaran

3.3 Prosedur Pemilihan Artikel

Proses pemilihan artikel telah dijalankan melalui empat peringkat utama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Peringkat-peringkat tersebut merangkumi Identification bertujuan untuk mengenalpasti setiap artikel yang berkaitan berdasarkan search string yang telah digunakan. Di peringkat ini, sebanyak 352 artikel telah dikenalpasti daripada Google Scholar dan sebanyak 20 artikel telah dikenalpasti daripada UPSI Library. Secara keseluruhan, 372 artikel telah dikenalpasti diperingkat ini. Peringkat kedua adalah Screening dimana artikel telah ditapis dimana artikel berulang dikeluarkan sebanyak 320 artikel menjadikan baki artikel yang kekal untuk analisis sebanyak 52 artikel. Peringkat ketiga dalam pemilihan artikel adalah Eligibility dimana artikel disaring melalui pembacaan abstrak. Daripada 50 artikel, hanya 6 artikel yang didapati bersesuaian dengan konteks kajian ini. Di peringkat terakhir, Included sebanyak 6 artikel telah dipilih untuk proses seterusnya iaitu Analisis Bertema bagi menjawab objektif kajian. Rajah 1 menunjukkan proses pemilihan artikel mengikut PRISMA yang digunakan dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan senarai artikel yang telah dipilih untuk dianalisis.



Rajah 1. Proses pemilihan artikel mengikut PRISMA

Jadual 1

Senarai artikel terpilih bagi kajian

Bil.	Penulis / Tahun	Tajuk
1.	Pratiwi & Asi'ah (2020)	Meningkatkan Konsentrasi Belajar Anak Usia Dini Melalui Kegiatan Menjahit
2.	Nadzar (2022)	Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur dalam Membantu Kemahiran Membaca Tali Pita Ukur.
3.	Calaranan & Corpuz (2023)	<i>Enhancing Learning Outcomes in Garments Trade: A Needs-based Intervention Approach for Students.</i>
4.	Sowemimo et al., (2022)	<i>Issues in Choice of Clothing and Textile Career among Senior Secondary School Students in Abeokuta South, Ogun State.</i>
5.	Akomaning (2022)	<i>Methods for Teaching Sewing in Junior High Schools in the Sekondi-Takoradi Metropolis, Ghana.</i>
6.	Padzil et al., (2020)	Analisis Keperluan Pembangunan Modul Kelas Berbalik Dan Pembelajaran Berasaskan Projek Bagi Menerapkan Pemikiran Reka Bentuk Dalam Kalangan Murid RBT

4. Analisis dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar menghadapi cabaran dalam menguasai yang diperolehi telah menunjukkan terdapat beberapakan isu atau masalah yang telah dikenalpasti (Jadual 2). Menurut Pratiwi dan Asi'ah [13], kaedah pembelajaran yang digunakan oleh guru tidak selaras dengan cara pembelajaran kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka kurang berminat terhadap pembelajaran. Nadzar [12] mendapati pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan asas jahitan mengalami kelemahan dalam kemahiran praktikal. Situasi ini diperburuk lagi oleh kegagalan pelajar menguasai kemahiran teknikal seperti mengendalikan mesin jahit, mengurus benang dan jarum, serta mencantumkan bahagian pakaian [6].

Seterusnya, masalah penguasaan kemahiran ini turut membentuk persepsi negatif pelajar terhadap pembelajaran pakaian dan tekstil akibat pengajaran yang tidak berkesan [18]. Akomaning [2] menjelaskan bahawa tenaga pengajar tidak mengaplikasikan kaedah pengajaran yang ditetapkan dalam kurikulum, seterusnya menjejaskan pengetahuan dan kemahiran pelajar. Tambahan pula, kaedah pembelajaran berasaskan projek memerlukan masa, tenaga dan kos yang tinggi, sekali gus menambah beban tugas guru [15].

Selain itu, berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah diperolehi telah menunjukkan terdapat kesukaran dalam jahitan asas tangan dan masalah pembelajaran. Menurut Raynor et. al (2020), pelajar menghadapi kesukaran dalam Kemahiran motor halus seperti memegang jarum, mengatur ketegangan benang dan koordinasi tangan. Pendekatan secara konstruktis membantu namun masih memerlukan bimbingan intensif. Selain itu, menurut Kaipainen and Pollanen [10], generasi muda menghadapi kesukaran pembelajaran kemahiran jahitan disebabkan kurang pendedahan awal, kurang latihan berstruktur di rumah dan perubahan gaya hidup.

Di samping itu, terdapat juga kajian lepas yang berkaitan kekurangan bahan bantu mengajar dan cabaran pengajaran. Menurut Abad dan Hattie [3], bahan pengajaran yang berkualiti tinggi dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran, tetapi banyak guru tidak mempunyai akses kepada bahan yang sesuai atau Latihan untuk menggunakannya secara lebih berkesan. Menurut Alciso *et al.*, [4], walaupun terdapat pelbagai bahan instruksional seperti modul, buku, video dan bahan digital digunakan dalam kursus Pendidikan guru, namun masih wujud kekangan daripada segi kuantiti, kesesuaian dan keberkesanan bahan tersebut.

Di samping itu, menurut Madigan *et al.*, [11], guru yang menghadapi tekanan atau keletihan berterusan mungkin akan mengalami pengurangan komitmen dan semangat dalam pengajaran. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan motivasi dan pengalaman pembelajaran pelajar. Di samping itu, menurut Pramesti *et al.*, [14], guru pelatih masih mempunyai sikap egatif terhadap diri sehingga menyebabkan kesejahteraan psikologi guru pelatih menjadi rendah, serta menyebabkan implikasi terhadap pelajar sekolah yang berisiko mengalami kesukaran pembelajaran dan motivasi yang rendah. Selain itu, menurut Anggraini dan Sukartono [5], usaha yang dapat dilakukan oleh guru untuk meningkatkan motivasi pelajar adalah dengan memberi ganjaran, mewujudkan suasana belajar yang selesa, kaedah pembelajaran yang pelbagai dan penggunaan media pembelajaran yang menarik.

Secara keseluruhannya, masalah penguasaan kemahiran jahitan berpunca daripada kekurangan pengetahuan asas pelajar, persepsi negatif terhadap subjek, ketidakkonsistenan pelaksanaan pengajaran, serta kekangan sumber dan motivasi yang dihadapi guru. Justeru, pembangunan modul pengajaran yang sistematik dan berkesan adalah kritikal bagi menangani cabaran-cabaran ini.

Jadual 2

Senarai kategori (isu) dan tema kajian

PENULIS DAN TAHUN	KATEGORI / ISU	TEMA
Pratiwi dan Asi'ah (2020)	Kaedah pembelajaran yang digunakan oleh guru tidak selaras dengan cara pembelajaran kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka kurang berminat terhadap pembelajaran.	Keperluan pembangunan Modul pengajaran jahitan asas tangan yang sistematik dan berkesan
Nadzar (2022)	Pelajar tidak mempunyai pengetahuan asas jahitan menyebabkan lemah dalam kemahiran praktikal asas jahitan	

Calaranan dan Corpuz (2023)	Pelajar gagal menguasai kemahiran menjahit seperti mengendalikan mesin, benang, jarum dan mencantum bahagian pakaian
Sowemimo <i>et al.</i> , (2022)	Pelajar mempunyai persepsi negatif terhadap pembelajaran pakaian dan tekstil akibat masalah dalam pengajaran dan pembelajaran
Akomaning (2022)	Tenaga pengajar tidak mengaplikasikan kaedah pengajaran yang ditetapkan dalam kurikulum jahitan sehingga menjejaskan pengetahuan dan kemahiran pelajar.
Padzil <i>et al.</i> , (2020)	Kaedah pembelajaran berasaskan projek memerlukan masa, tenaga, kos yang tinggi serta menambah beban tugas guru

5. Kesimpulan

Kajian ulasan naratif ini telah mengenal pasti cabaran utama dalam pengajaran jahitan asas tangan bagi Mata Pelajaran Vokasional tingkatan 4. Analisis kajian lepas menunjukkan pelajar menghadapi kekurangan pengetahuan asas, kesukaran kemahiran motor halus, dan persepsi negatif terhadap pembelajaran jahitan asas tangan. Dari perspektif guru pula, cabaran yang dihadapi termasuk tidak konsisten dalam pelaksanaan pengajaran, kekurangan bahan pembelajaran yang berkualiti, serta isu kesejahteraan psikologi yang mempengaruhi motivasi mengajar.

Dapatan kajian menyokong keperluan membangunkan e-modul yang sistematik bagi topik Jahitan Asas Tangan. E- modul yang menggabungkan elemen multimedia seperti video tutorial, animasi dan audio berpotensi menangani cabaran yang dikenal pasti. Melalui demonstrasi visual yang jelas, e-modul dapat membantu pelajar memahami teknik jahitan dengan lebih baik dan membolehkan pembelajaran sendiri yang berkesan. Bagi guru, e-modul dapat meringankan beban kerja dengan menyediakan bahan pengajaran yang lengkap dan mudah digunakan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan e-modul Jahitan Asas Tangan yang berkualiti tinggi. Inovasi dalam bahan pembelajaran digital adalah penting bagi memastikan pelajar MPV menguasai kemahiran jahitan dengan berkesan dan memenuhi keperluan industri. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk membangun dan menguji keberkesanan e-modul dengan mengambil kira maklum balas pelajar dan tenaga pengajar.

Penghargaan

Penulis merakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- [1] Asrial, Asrial, Syahril Syahril, Maison Maison, Dwi Agus Kurniawan, and Suci Okta Piyana. "Ethnoconstructivism e-module to improve perception, interest, and motivation of students in Class V Elementary School." *JPI (Jurnal Pendidikan Indonesia)* 9, no. 1 (2020): 30-41. <https://doi.org/10.23887/jpi-undiksha.v9i1.19222>
- [2] Akomaning, Esther Laurinda. "Methods for teaching sewing in junior high schools in the Sekondi-Takoradi metropolis, Ghana." (2022). <https://doi.org/10.24940/ijird/2022/v11/i7/JUL22003>

- [3] Garay Abad, Lola, and John Hattie. "The impact of teaching materials on instructional design and teacher development." In *Frontiers in Education*, vol. 10, p. 1577721. Frontiers, 2025. <https://doi.org/10.3389/feduc.2025.1577721>
- [4] Romarate, Marilou Alciso, Anania Boo Aquino, Estelito Julongbayan Punongbayan, Gliceria Ramos Quizon, Leolanda Aclan Balilla, and Noraida Porley Ramos. "Development of Outcomes-Based Instructional Materials in Professional Teacher Education Courses for a Flexible Set-Up." *Journal of Education and E-Learning Research* 10, no. 1 (2023): 61-67. <https://doi.org/10.20448/jeelr.v10i1.4378>
- [5] Anggraini, Sintia, and Sukartono Sukartono. "Upaya guru dalam meningkatkan motivasi belajar peserta didik di sekolah dasar." *Jurnal basicedu* 6, no. 3 (2022): 5287-5294.
- [6] Calaranan, Mylene D., and Brian Jay Corpuz. "Enhancing learning outcomes in Garments Trade: A Needs-based intervention approach for students." *Archives of Current Research International* 23, no. 6 (2023): 53-65. <https://doi.org/10.9734/acri/2023/v23i6580>
- [7] Delita, Fitra, and Nurmala Berutu. "Online Learning: the Effects of Using E-Modules on Self-Efficacy, Motivation and Learning Outcomes." *Turkish Online Journal of Distance Education* 23, no. 4 (2022): 93-107.
- [8] Kamus Dewan dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [9] Kumar (2020). Fundamentals of textiles and clothing (BA Part III, 5th paper). Home Science Department, Rohtas Mahila College, Sasaram.
- [10] Kaipainen, Minna, and Sinikka Pöllänen. "Why Don't They Sew Anymore?—Exploring the Decline of Home Garment Sewing." *Journal of Community & Applied Social Psychology* 35, no. 5 (2025): e70172. <https://doi.org/10.1002/casp.70172>
- [11] Madigan, Daniel J., and Lisa E. Kim. "Does teacher burnout affect students? A systematic review of its association with academic achievement and student-reported outcomes." *International journal of educational research* 105 (2021): 101714.
- [12] Nadzar, Farahana Nadirah Mahamad. "Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur dalam Membantu Kemahiran Membaca Tali Pita Ukur: Students' Perceptions towards the use of Teaching Tools Tape Measurement in Helping the Skills of Reading Tape Measure Strings." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 28, no. 1 (2022): 30-42.
- [13] Pratiwi, Shelly, and Yuli Nur Asi'ah. "Meningkatkan konsentrasi belajar anak usia dini melalui kegiatan menjahit." *Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini: Anaking* 1, no. 1 (2022): 114-122.
- [14] Pramesti, A. A., Ilmiah, F., & Ramadhani, T. R. (2023). Implementasi proyek penguatan profil pelajar Pancasila (P5) dalam kurikulum di sekolah dasar: Peran guru dalam menumbuhkan motivasi belajar siswa. In *Proceedings of the Conference of Elementary Studies (C.E.S)*. Universitas Muhammadiyah Surabaya.
- [15] Padzil, Mohd Ridzuan, Aidah Abdul Karim, and Hazrati Husnin. "Analisis keperluan pembangunan modul kelas berbalik dan pembelajaran berasaskan projek bagi menerapkan pemikiran reka bentuk dalam kalangan murid RBT." *Jurnal Dunia Pendidikan* 3, no. 3 (2021): 21-34.
- [16] Raynor, E. (2020). Learning outcomes in basic sewing through constructivist approach. *Globus Journal of Progressive Education*, 5(1), 49-58. <https://www.globusedujournal.in/https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101714>
- [17] SADJI, EVENDDY S., N. Gailea, and S. Syafrizal. "Implementation of e-module in Indonesia EFL higher education: A literature review." *IJORER: INTERNATIONAL JOURNAL OF RECENT EDUCATIONAL RESEARCH Ученые: Indonesia Approach Education* 5, no. 5 (2024): 1174-1185. <https://doi.org/10.46245/ijorer.v5i5.688>
- [18] Sowemimo, B. O., A. O. Adeboye, O. B. Olorunnisomo, O. J. Labode, and O. O. Braide. "Issues in Choice of Clothing and Textile Career among Senior Secondary School Students in Abeokuta South, Ogun State." *Journal of Home Economics Research* 29, no. 2 (2022).